

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic Melancarkan Hab Perniagaan ke Perniagaan untuk Penyamanan Udara Pusat Perniagaan di Malaysia

Subang Jaya, 16 Januari 2015 – Bagi memenuhi permintaan untuk penggunaan penjimatan tenaga yang menyeluruh, peneraju, penghasil dan pembekal penyamanan udara Panasonic telah melancarkan hab perniagaan oleh Panasonic Appliance Air Conditioning System Engineering Malaysia – PAPASEMY. Panasonic adalah satu-satunya pengilang sistem Variable Refrigerant Flow (VRF) di Malaysia. Dengan memiliki kilangnya sendiri di negara ini, Panasonic dapat membekalkan integrasi ideal dalam kajian & penghasilan, pengilangan, perancangan, perolehan, jualan, logistik, penghantaran dan servis.

Usaha ini diterajui oleh En Mamoru Yoshida, Ahli Lembaga Eksekutif Panasonic Jepun dan Presiden Divisyen Perniagaan Penyamanan Udara Jepun. “Dengan kredibiliti jenama Panasonic yang dikenali di mata pengguna (BtoC), kami berharap dapat meningkatkan kekuatan dengan mengukuhkan keupayaan kami dalam urusan jenis perniagaan ke perniagaan (BtoB), yang merangkumi lebih daripada 50% jumlah keseluruhan perniagaan kami. Tambahan pula, penyamanan udara Panasonic diterima baik oleh kebanyakan pemilik bangunan dan pemaju, dan juga telah banyak digunakan untuk kondominium dan banglo di Malaysia,” jelas Yoshida.

Sistem baharu perniagaan ke perniagaan (BtoB) ini adalah hab sokongan bagi sistem penyamanan udara komersial melalui penyediaan servis menyeluruh kepada pemilik bangunan, pemaju dan syarikat yang merangkumi: Kajian & Penghasilan, Pengilangan, Perancangan Korporat, Jualan, Logistik, Penghantaran dan Servis Selepas Jualan.

Dengan kolaborasi sistem awan (cloud system) pertama di Asia, “Panasonic Smart Cloud”, pengguna ditawarkan kemudahan dan akses yang lebih baik di mana sistem ini menggabungkan sistem penyamanan udara dengan sistem pintar pemprosesan data. Ianya boleh dikawal dari hubungan Internet tunggal, membolehkan sistem pengawalan suhu bangunan diuruskan berdasarkan waktu dan masa sebenar. Ianya memudahkan bagi tujuan analisis dan laporan untuk pelan penambahbaikan, di mana dapat mengurangkan kadar penggunaan tenaga dengan penyelenggaraan yang boleh dijangka.

Talian Khidmat Pelanggan PAPASEMY yang menyediakan perkhidmatan perniagaan ke perniagaan (BtoB) boleh dihubungi 365 hari, 24 jam sehari, untuk membantu sebarang persoalan teknikal dari pengguna “Panasonic Smart Cloud” yang juga menyediakan lawatan pemeriksaan bagi sistem penyamanan udara.

Timbalan Pengarah PAPASEMY En Toshi Watanabe berkata, "Landskap perniagaan pada hari ini tidak akan pernah berubah dan pemilihan rakan kongsi sesuai yang memiliki keazaman yang sama untuk menawarkan penyelesaian fleksibel kini semakin penting. Di PAPASEMY, kami berazam untuk menjadi rakan kongsi tersebut dalam menuju masa hadapan dan seterusnya sentiasa menghasilkan sistem penyaman udara yang menepati keperluan semasa untuk semua rakan kongsi niaga kami."

Visi korporat Panasonic adalah untuk meningkatkan peratusan pemilikan saham utama dalam segmen Sistem Penyamanan Udara, dengan tumpuan segmen VRF menjadi keutamaan. Secara keseluruhannya projek ini mensasarkan RM800 juta bagi urus niaga penyamanan udara di Malaysia.

Mengenai PAPASEMY

PAPASEMY adalah hab perniagaan ke perniagaan untuk sistem penyamanan udara komersial yang menyatukan jualan dan pasukan kejuruteraan bagi pemilik bangunan, pemaju dan syarikat yang menawarkan: Kajian & Penghasilan, Pengilangan, Reka Bentuk & Perancangan Penyamanan Udara, Perancangan Korporat, Jualan, Logistik, Penghantaran dan Servis Selepas Jualan. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai servis PAPASEMY, hubungi kami di **03-7956 4188**

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact:

Mazlee Mokhtar

Senior Executive, Corporate Communications & Branding

Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com